

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
NEGERI PERLIS
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025
PRINSIP PERAKAUNAN
Tingkatan 5
Kertas 2
2 1/2 jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


ARAHAN KEPADA CALON

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan di **Bahagian B**.*
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.*
5. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada halaman yang baharu.*
6. *Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan.*

1. (a) Berdasarkan Kitaran Perakaunan di bawah, nyatakan **X** dan **Y**.



[2 markah]

- (b) Urus niaga berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Alat Tulis First Choice.

Mengambil 20 buah fail RM160 untuk kegunaan pejabat.

Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan bagi urus niaga tersebut.

[2 markah]

- (c) Nyatakan dua sumber maklumat dalam Buku Catatan Pertama yang digunakan untuk menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima.

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Nuraina Maju.

	RM
Aset bukan semasa	90 000
Aset semasa	45 390
Modal kerja	21 530
Modal	111 530

Hitungkan nisbah semasa perniagaan ini?

[2 markah]

- (e) Maklumat berikut adalah kos yang terlibat dalam pengeluaran biskut oleh Perusahaan Masmona.

	RM
Bahan langsung	45 000
Buruh langsung	24 000
Paten	1 500
Sewa kilang	1 800

Hitungkan jumlah kos prima?

[2 markah]

2. Encik Bahar adalah pemilik Bahtera Enterprise yang beroperasi di Kangar, Perlis. Berikut ialah baki-baki akaun yang diperoleh daripada buku perniagaannya pada 30 Jun 2025.

Bahtera Enterprise		
Imbangan duga pada 30 Jun 2025		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal (1 Julai 2024)		80 000
Kenderaan	50 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		18 000
Alatan Pejabat	15 000	
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		4 500
Inventori (1 Julai 2024)	26 300	
Peruntukan hutang ragu		350
Pinjaman		30 000
Belian	273 940	
Jualan		342 300
Pulangan masuk	1 670	
Angkutan masuk	2 940	
Insurans	3 600	
Gaji	36 000	
Akaun Belum Terima	15 170	
Akaun Belum Bayar		9 620
Bank	55 500	
Tunai	2 280	
Utiliti	4 200	
Ambilan	3 960	
Faedah atas pinjaman	2 000	
Komisen diterima		2 870
Diskaun diberi	1 580	
Sewa diterima		6 500
	<u>494 140</u>	<u>494 140</u>

Maklumat tambahan:

(i) Inventori pada 30 Jun 2025:

	Produk 1 RM	Produk 2 RM	Jumlah RM
Harga kos	21 200	16 800	38 000
Harga pasaran	23 600	14 600	38 200

(ii) Seorang pelanggan telah menghilangkan diri dan hutangnya sebanyak RM770 dihapuskira.

(iii) Premium insurans dibayar bagi tempoh 1 September 2024 sehingga 31 Ogos 2025.

(iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas Akaun Belum Terima bersih.

(v) Ambilan barang niaga bernilai RM550 untuk kegunaan peribadi belum direkod dalam mana-mana buku.

(vi) Sewa belum terperoleh sebanyak RM500.

(vii) Polisi susut nilai aset bukan semasa:

Aset Bukan Semasa	Kaedah	Kadar susut nilai
Kenderaan	Baki berkurangan	20%
Alatan Pejabat	Garis lurus	10%

(viii) Pinjaman bank RM50 000 diterima pada 1 Julai 2023 dengan kadar faedah 5% setahun. Tempoh pinjaman selama 5 tahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 .

[13 markah]

(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025.

[12 markah]

- 3 Butir-butir yang berikut diperoleh daripada Kelab Teater Pujangga pada 31 Mei 2025.

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran ahli	4 600	Belian kiosk	3 400
Yuran masuk	400	Kadar bayaran	1 100
Kutipan malam kesenian	4 000	Alat tulis	150
Jualan kiosk	23 180	Majalah	310
Derma	10 000	Upah pekerja kiosk	1 700
		Akaun Belum Bayar	12 100
		Belanja malam kesenian	2 450
		Peralatan teater	1 400

Maklumat Tambahan:

- (i) Baki-baki yang berikut diambil daripada kelab tersebut.

	1 Jun 2024	31 Mei 2025
	RM	RM
Yuran belum terima	310	290
Yuran belum terperoleh	395	340
Premis kelab	80 000	80 000
Akaun Belum Bayar	2 400	3 100
Peralatan teater	7 800	8 550
Inventori alat tulis	-	65
Kadar bayaran prabayar	80	-
Inventori kiosk	2 700	3 300
Majalah belum bayar	110	90
Bank	6 700	26 270
Simpanan tetap	30 000	30 000

- (ii) Derma yang diterima akan digunakan untuk mengubah suai bilik untuk dijadikan studio teater.
- (iii) Pulangan belian barangan kiosk RM150 belum direkod dalam mana-mana buku.
- (iv) 40% daripada kadar bayaran merupakan belanja kiosk.
- (v) Faedah atas simpanan tetap ialah 5% setahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran Ahli. [2 markah]
- (b) Penyata mengira Dana Terkumpul pada 1 Jun 2024. [3 markah]
- (c) Akaun Kawalan Belum Bayar . [2 markah]
- (d) Akaun Perdagangan Kiosk bagi tahun berakhir 31 Mei 2025. [6 markah]
- (e) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mei 2025. [9 markah]
- (f) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2025.
(tunjukkan bahagian Dana Terkumpul sahaja) [3 markah]



Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 (a) Buku Tunai Perniagaan Andika Jaya menunjukkan baki yang berbeza dengan baki di penyata bank pada 31 Mac 2025. Berikut ialah penyata bank dan buku tunai pada tarikh tersebut.

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2025			RM	RM	RM
Mac 1	Baki b/b				44 800
4	Cek	83002	3 840		40 960
5	Cek	83003	2 048		38 912
6	Deposit			3 968	42 880
10	Deposit			2 128	45 008
	Caj bank		80		44 928
12	Cek	83001	9 600		35 328
14	Deposit			7 650	42 978
17	Cek	83005	1 744		41 234
	Cek	83007	3 104		38 130
19	Cek	83004	4 096		34 034
24	Faedah atas simpanan			720	34 754
26	Pindahan kredit-Kedai Zaza			2 500	37 254
28	Cek	83006	41 152		(3 898)

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No. Cek	RM
2025			2025			
Mac 1	Baki b/b	35 200	Mac 3	Belian	83002	3 840
4	Jualan	3 968	5	Insurans	83003	2 048
6	Komisen	2 128	7	Kedai Mimey	83004	4 096
9	Pasar Mini Raju	7 560	13	Alat Tulis	83005	1 744
26	Ainina	2 112	14	Pembekal Padli	83006	41 152
28	Devita	3 184	15	Belian	83007	3 104
29	Jualan	6 416	18	Utiliti	83008	2 832
31	Baki h/b	2 012	20	Perabot	83009	3 764
		<u>62 580</u>				<u>62 580</u>

Maklumat Tambahan:

- (i) Cek yang diterima pada 28 Mac 2025 dikembalikan oleh bank dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.
- (ii) Cek yang diterima pada 9 Mac 2025 tersalah rekod di buku tunai.

Anda dikehendaki:

- (a) Mengemaskini Buku Tunai pada 31 Mac 2025. [6 markah]
- (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2025. [6 markah]

- 4 (b) Perniagaan Linda Martopo menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan dana runcit berjumlah RM300. Berikut ialah urus niaga sepanjang bulan Jun 2025.

2025	RM
Jun 1 Baki buku tunai runcit	59
Penerimaan cek daripada Ketua Juruwang	?
4 Membeli setem dan sampul surat	39
12 Membayar minuman pelanggan	27
17 Beli mesin daftar tunai	850
22 Bayar upah cuci pejabat	80
28 Bayaran pos laju	12
30 Membeli kopi dan teh pejabat	20

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit bagi bulan Jun 2025 dengan menunjukkan analisis pembayaran belanja pos, belanja pejabat dan minuman. Tunjukkan baki dan rekupmen pada 1 Julai 2025.

[8 markah]

5. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Impian Trading pada 1 Julai 2025.

	RM
Kenderaan	25 000
Alatan pejabat	8 000
Akaun Belum Terima	7 540
Inventori	4 870
Bank	10 800
Modal	38 620
Untung bersih	12 400
Akaun Belum Bayar	5 190

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Julai 2025.

- (i) Pemilik telah membawa masuk komputer peribadi bernilai RM1 500 untuk kegunaan perniagaan.
- (ii) Membeli barang niaga secara kredit daripada Perniagaan Hanss berjumlah RM2 200.
- (iii) Menerima cek RM800 daripada pembekal untuk komisen jualan.
- (iv) Menjual 30% daripada inventori kepada Kedai Muhibah secara kredit berjumlah RM2 590.
- (v) Mengambil barang niaga sebanyak RM550 untuk tujuan promosi.
- (vi) Menjelaskan semua hutang dengan cek kepada Perniagaan Hanss dan menerima diskaun tunai sebanyak RM200.
- (vii) Kedai Muhibah telah menjelaskan hutangnya dengan tunai sebanyak RM1 500 dan wang tersebut digunakan untuk membayar sewa rumahnya berjumlah RM1 000 dan bakinya dibankkan.
- (viii) Pemilik telah mengambil barang niaga berjumlah RM380 untuk kegunaan keluarganya.
- (ix) Membayar gaji pekerja dengan cek sebanyak RM3 600.

Anda dikehendaki :

- (a) Mencatat urus niaga yang diberi ke dalam Jadual Persamaan yang telah disediakan. [14 markah]
- (b) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2025. [6 markah]

- 6 (a) Marissa merupakan pembekal belacan madu di sekitar negeri Perlis.
Kos dan hasil untuk pengeluaran belacan adalah seperti berikut :

	RM
Sewa kedai	1 400
Susut nilai mesin pengisar	600
Upah pekerja	1.40 / bungkus
Plastik dan kertas pembalut	0.20 / bungkus
Udang	0.30 / bungkus
Garam	0.10 / bungkus
Harga jualan	4.00 / bungkus

Anda dikehendaki :

- (a) Menghitung :
- (i) Jumlah kos tetap [2 markah]
 - (ii) Kos berubah seunit [2 markah]
 - (iii) Titik pulang modal [2 markah]
 - (iv) Kuantiti belacan yang perlu dijual jika ingin memperoleh keuntungan sebanyak RM6 500. [2 markah]
- (b) Berdasarkan jawapan di 6 (a), lakarkan graf Titik Pulang Modal dengan menunjukkan:
- (i) Garisan kos tetap
 - (ii) Garisan jumlah kos
 - (iii) Garisan jumlah hasil
 - (iv) Titik pulang modal
 - (v) Kawasan untung dan rugi
- [6 markah]

- (b) Berikut adalah modal diterbitkan dan berbayar penuh bagi Wisma Perdana Berhad:

- 500 000 unit 5% Syer Keutamaan bernilai RM1.50 sesyer
- 100 000 unit Syer Biasa bernilai RM0.50 sesyer

Maklumat berikut menunjukkan untung untuk diagihkan sebagai dividen bagi tahun berakhir:

Tahun	Keuntungan RM
2022	47 000
2023	20 500
2024	60 000

Anda dikehendaki menghitung agihan dividen Syer Keutamaan dan Syer Biasa bagi tahun 2022, 2023 dan 2024.

[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT